

Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah Naib Canselor UMS Ke-4

Artikel oleh: Fairendy Fairuz

Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah telah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah yang ke-4 bermula pada 18 Jun 2012 menggantikan tugas Mantan Naib Canselor UMS yang ke-3, Briged Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Ampon. Beliau sebelum ini memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMS dan pernah menjadi Dekan Sekolah Sains dan Teknologi tahun 2008 hingga 2011. Majlis Penyerahan Tugas Naib

Canselor UMS telah diadakan pada 18 Jun 2012. Dalam majlis itu, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah telah menerima jubah dan topi (Naib Canselor) daripada Briged Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Ampon sambil disaksikan oleh Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Haji Said di hadapan kakitangan Akademik UMS. Seluruh warga SST mengucapkan tahniah kepada Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah di atas perlantikan ini.